


# PARLIMEN MALAYSIA



**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL PERTAMA  
PARLIMEN KEDUABELAS  
2008**

**JAWAPAN-JAWAPAN PERTANYAAN JAWAB  
LISAN HARIAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB  
DALAM DEWAN RAKYAT DARIPADA  
KEMENTERIAN**

**HARI ISNIN: 18 OGOS 2008**

## **KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN  
(SOALAN NO. 6,9 HINGGA 35)**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 5, 7 DAN 8  
SOALAN NO. 18 DIJAWAB SEKALI DENGAN NO. 4  
[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

Pertanyaan : LISAN

Daripada : DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG  
[ MARANG ]

Tarikh : ISNIN, 18 OGOS 2008

**SOALAN**

**Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [ Marang ]** minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk memperbanyakkan program-program lain selepas Debat Isu Minyak di antara Menteri Penerangan dan Penasihat PKR dengan skop yang lebih luas dan program yang pelbagai serta melibatkan semua pihak seperti Kerajaan, Pembangkang, NGO, Ahli Akademik dan seumpamanya.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Terima kasih kepada YB Marang atas soalan yang dikemukakan. Pihak Kementerian Penerangan percaya bahawa suasana yang lebih terbuka adalah baik untuk mengembangkan pemikiran rakyat dalam menangani cabaran global. Pihak Kementerian tidak menghalang sebarang usaha untuk menganjurkan perbahasan dan perbincangan terbuka dalam apa-apa juga isu yang sesuai dan tidak melanggar

**SOALAN NO : 6**

Perlembagaan dan prinsip-prinsip Rukun Negara serta perkara-perkara yang boleh mengancam ketenteraman awam.

RTM akan terus menyiarkan beberapa rancangan *talkshow* (bicarawara) yang sedia ada seperti "Bersemuka dengan Media", "Blog", "60 Minit Bersama Menteri", "*What Say You*", "*Fast Forward*" dan rancangan-rancangan lain, mengikut keperluan semasa, yang melibatkan semua pihak termasuk tokoh politik, NGO dan ahli akademik.

Disediakan oleh:

**Haji Ismail Zakaria**  
**Berita TV RTM**

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**  
**DARIPADA : DATUK HAJI MOHAMED BIN HAJI AZIZ**  
**TARIKH : 18 OGOS 2008 (ISNIN)**  
**NO. PERTANYAAN : 9**

**Datuk Haji Mohamed Bin Haji Aziz [ Sri Gading ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan berapakah pertambahan bajet, infrastruktur dan struktur pentadbiran yang diberikan oleh Kementerian kepada IPTA yang dikategorikan sebagai universiti penyelidikan bagi meningkatkan ranking IPTA tersebut di dalam ranking universiti dunia.

### JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang berhormat, pada Oktober 2006, Kerajaan telah mengiktiraf empat buah IPTA sebagai universiti penyelidikan. IPTA tersebut terdiri daripada Universiti Malaya, Universiti Putera Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Sains Malaysia.

Pada tahun 2007, peruntukan belanja mengurus sebanyak RM200 juta (RM50 juta bagi setiap IPTA berkenaan) disediakan bagi tujuan

memantapkan dan mempertingkatkan lagi aktiviti penyelidikan. Peruntukan mengurus bagi universiti penyelidikan telah ditambah sebanyak RM50 juta kepada RM250 juta (RM62.5 juta bagi setiap IPTA tersebut) pada tahun 2008.

Dalam usaha untuk memantapkan tadbir urus universiti penyelidikan, Satu tambahan jawatan Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) diwujudkan bagi mempertingkatkan kolaborasi R&D dengan industri dalam dan luar Negara. Di samping itu, sebanyak 164 jawatan pegawai penyelidik disediakan di universiti berkenaan seperti berikut:-

- i. Universiti Malaya : 50 jawatan;
- ii. Universiti Sains Malaysia : 12 jawatan;
- iii. Universiti Kebangsaan Malaysia : 30 jawatan; dan
- iv. Universiti Putra Malaysia : 72 jawatan

PERTANYAAN NO: 10

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**  
**DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : Y.B. DATO' RASHID BIN DIN  
KAWASAN : MERBOK  
RUJUKAN : 1253  
TARIKH : 18 OGOS 2008

**Y.B. Dato' Rashid bin Din [Merbok]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan syarat-syarat rasmi untuk membolehkan pemegang MyKad merah untuk memperoleh MyKad biru. Ramai pekerja ladang terpencil tidak melaporkan kelahiran, mereka ini telah dikeluarkan MyKad merah, dan telah bermastautin berpuluh tahun di Malaysia.

Apakah prosedur untuk mereka seperti ini mendapat MyKad biru.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua ,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli yang Berhormat Merbok yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi pemegang MyKad merah atau dikenali sebagai MyPR iaitu seseorang yang bertaraf Pemastautin Tetap Malaysia adalah layak memohon taraf kewarganegaraan Malaysia sekiranya memenuhi syarat-syarat asas seperti mana yang di peruntukan di bawah Perkara 19(1) Bahagian 3, Perlembagaan Persekutuan seperti berikut:

- (a) Pemegang MyPR yang berumur 21 tahun atau lebih.
- (b) Bermastautin di Persekutuan sekurang-kurangnya 12 tahun.
- (c) Berkelakuan baik; dan
- (d) Mempunyai pengetahuan yang memadai dalam bahasa Melayu.

Mengenai soalan Ahli Yang Berhormat berhubung ramai pekerja ladang terpencil tidak melaporkan kelahiran dan mereka ini telah dikeluarkan MyPR, adalah dimaklumkan bahawa setiap kelahiran di negara ini wajib didaftarkan di Jabatan Pendaftaran Negara mengikut Seksyen 7 Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957

dan taraf kewarganegaraannya boleh ditentukan berdasarkan kepada taraf kewarganegaraan ibu atau bapanya.

MyPR dikeluarkan kepada warganegara asing yang telah diluluskan Permit Masuk dan orang-orang yang dilahirkan sebelum Hari Merdeka di negara ini dengan syarat didaftarkan mengikut Seksyen 7 Akta Kelahiran dan Kematian 1957. Oleh itu, kenyataan Ahli Yang Berhormat berkenaan mereka yang tidak dilaporkan kelahirannya di JPN telah dikeluarkan MyPR adalah tidak benar dan sekiranya Ahli Yang Berhormat mengetahui terdapat kes sedemikian, sila maklumkan kepada Kementerian untuk disiasat.

Mengenai prosedur bagi pemegang MyPR untuk mendapatkan MyKad biru yang telah memenuhi syarat-syarat yang dinyatakan tadi bolehlah mengemukakan

permohonan di mana-mana JPN Negeri yang berhampiran. Setiap permohonan tersebut hendaklah disokong oleh dua orang penganjur bertaraf warganegara Malaysia.

Sekiranya permohonan tersebut diluluskan oleh Kerajaan, pemohon akan dikeluarkan Sijil Warganegara dan seterusnya boleh memohon untuk mendapatkan Mykad biru.

Walaupun, syarat-syarat permohonan yang telah dipenuhi adalah merupakan tapisan asas untuk membolehkan seseorang bukan warganegara untuk membuat permohonan kewarganegaraan. Kewarganegaraan merupakan anugerah tertinggi Kerajaan Malaysia dan bukan merupakan hak mutlak untuk diperolehi oleh seseorang yang bukan warganegara Malaysia.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK MD. SIRAT BIN ABU  
(BUKIT KATIL)

TARIKH : 18 OGOS 2008

SOALAN :

DATUK MD. SIRAT BIN ABU MINTA MENTERI KERJA RAYA MENYATAKAN ADAKAH RUNDINGAN MENGENAI KADAR TOL LEBUH RAYA DENGAN SYARIKAT KONSESI TELAH DISELESAIKAN. HASIL DARI RUNDINGAN TERSEBUT ADAKAH KERAJAAN AKAN MENGHAPUSKAN TOL ATAU MENURUNKAN KADAR BAYARAN TOL DI LEBUH RAYA DAN BERAPAKAH

KADAR BAYARAN TERBARU SERTA BILAKAH IANYA  
MULA DILAKSANAKAN.

**JAWAPAN :**

**TUAN YANG DIPERTUA,**

**AHLI YANG BERHORMAT DARI BUKIT KATIL, TELAH MEMBANGKITKAN SOALAN MENGENAI KAJIAN KADAR TOL YANG SEDANG DIJALANKAN OLEH JAWATANKUASA KAJIAN KADAR TOL MELALUI JURUPERUNDING-JURUPERUNDING YANG TELAH DILANTIK.**

**UNTUK MAKLUMAN AHLI-AHLI YANG BERHORMAT, PADA MASA INI, JURUPERUNDING-JURUPERUNDING YANG DILANTIK SEDANG DI DALAM PERINGKAT AKHIR KAJIAN. HASIL DARIPADA KAJIAN TERSEBUT AKAN DIBAWA DAN DIBINCANGKAN DI DALAM MESYUARAT JEMAAH MENTERI UNTUK MENDAPATKAN KELULUSAN.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. TUAN MOHD. NASIR BIN ZAKARIA  
[ PADANG TERAP ]**

**TARIKH JAWAPAN : 18 OGOS 2008 (ISNIN)  
DI DEWAN RAKYAT**

**SOALAN : NO. 12**

**SOALAN**

**YB. TUAN MOHD. NASIR BIN ZAKARIA** minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan adakah kerajaan telah mengambil kira dan mengkaji daya maju struktur '*power pooling*' bagi penghasilan tenaga untuk menyelesaikan isu '*reserve margin*' yang tinggi, lebihan kapasiti tenaga, kenaikan kos sumber tenaga dan kenaikan harga gas.

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kerajaan sedar bahawa industri bekalan elektrik pada masa ini berhadapan dengan isu *reserve margin* yang tinggi akibat lebihan kapasiti tenaga, kenaikan kos sumber tenaga dan kenaikan harga gas. Sebelum Kerajaan mempertimbangkan kemungkinan untuk memperkenalkan sistem pasaran terbuka atau *market pooling*, dengan izin, dalam jangka masa panjang, satu kajian terperinci perlu dijalankan untuk mengetahui impak ke atas semua *stakeholders* terutamanya pengguna tanpa mengabaikan perkembangan sosio-ekonomi dan kepentingan negara.

Sekiranya Kerajaan memutuskan untuk melaksanakan *market pooling*, dengan izin, beberapa aspek meliputi isu tadbir urus, operasi, kawal selia dan komersial perlu diberi perhatian. Dalam masa yang sama, sekiranya *market pooling* diperkenalkan di negara

ini, Kerajaan tidak lagi mempunyai kawalan ke atas industri bekalan elektrik dan berkemungkinan rakyat akan dibebani dengan kadar tarif elektrik yang tinggi hasil daripada *deregulated market*. Bagi memastikan kemapanan industri tenaga yang terjamin, Kerajaan perlu membuat pertimbangan sewajarnya bagi menentukan struktur pasaran yang bersesuaian dengan perkembangan sosioekonomi dan kepentingan negara.

\*\*\*\*\*

PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : DATO' DR. MOHAMAD SHAHRUM  
BIN OSMAN ( LIPIS )  
PERTANYAAN : LISAN  
TARIKH : 18.8.08

Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman ( Lipis ) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan bagaimana cara untuk mengatasi masalah pemilikan Rumah Mesra Rakyat di kalangan rakyat miskin yang tidak memiliki slip gaji, penyata bank dan lain-lain untuk membuat pinjaman.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telah menubuhkan Syarikat Jaminan Kredit Perumahan Bhd bagi membantu rakyat miskin yang tidak memiliki bukti secara rasmi atau dokumen pendapatan tetap seperti slip gaji, "Borang J", penyata bank dan lain-lain untuk menyokong permohonan pinjaman perumahan daripada institusi kewangan. Bantuan yang diberikan adalah dalam bentuk Skim Jaminan Kredit Perumahan yang membolehkan para pemohon terbabit mendapatkan pinjaman daripada institusi kewangan terpilih dengan amaun pinjaman tidak melebihi RM100,000 bagi membiayai rumah kos rendah/ kos sederhana untuk didiami sendiri.

2. Skim ini ternyata mendapat sambutan yang menggalakkan dan bagi memudahkan para peminjam membuat permohonan, kini pelaksanaan skim ini telah diperluaskan kepada 14 buah bank tempatan yang terdiri daripada Bank Islam dan Bank Konvensional.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHOW KON YEOW [ TANJONG ]**

**TARIKH : 18 OGOS 2008 (ISNIN)**

**SOALAN:**

**Tuan Chow Kon Yeow [ Tanjong ]** minta **Perdana Menteri** menyatakan apakah kerja yang ingin disempurnakan sebelum YAB Perdana Menteri berundur pada tahun 2010 dan apakah pencapaian beliau sebagai Perdana Menteri yang paling memuaskan sehingga kini.

**JAWAPAN:     Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang DiPertua,

Perjuangan untuk membina dan memartabatkan negara bangsa tidak ada noktahnya, itulah lumrah pentadbiran. Banyak lagi yang perlu diusahakan dari kini sehingga tahun 2010 dan tahun-tahun yang berikutnya. Namun, tumpuan kerja bagi tempoh yang disebutkan Ahli Yang Berhormat ialah pelaksanaan usaha-usaha yang dijanjikan dalam manifesto Barisan Nasional dan Rancangan Malaysia Kesembilan. Sebagai contoh, ini termasuk program-program di bawah inisiatif pembangunan koridor dan juga program-program penambahbaikan yang lain seperti sistem kehakiman dan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan.

Saya percaya bahawa makna dan impak sesebuah pentadbiran hanya boleh dilihat dengan jelas selepas masa yang secukupnya berlalu. Juga, seseorang Perdana Menteri tidak akan merasa berpuas hati tetapi akan sentiasa berusaha untuk meneruskan penambahbaikan. Namun begitu, beberapa usaha boleh dikenalpasti sebagai pencapaian jangka pendek yang mungkin sedikit sebanyak dilihat membawa manfaat dan kesan positif.

Pertama, tumpuan kepada pembasmian kemiskinan dan pengurangan jurang pendapatan telah menunjukkan hasil. Kadar kemiskinan negara telah berkurangan daripada 5.7 peratus pada tahun 2004 ke 3.6 peratus

pada tahun 2007. Kadar kemiskinan tegar pula berkurangan daripada 1.2 peratus ke 0.7 peratus dalam tempoh yang sama. Dengan usaha yang berterusan, saya berazam untuk mencapai matlamat Kerajaan dalam RMKe-9 iaitu untuk menghapuskan kemiskinan tegar dan mengurangkan kemiskinan keseluruhan kepada 2.9-3.0 peratus menjelang tahun 2010. Dalam tempoh 2004 hingga 2007 juga, tahap pendapatan rakyat luar bandar telah meningkat sebanyak 6.8 peratus manakala tahap pendapatan rakyat bandar meningkat 3.3 peratus; dengan perkembangan ini, jurang pendapatan antara bandar dan luar bandar telah dapat dikurangkan. Jurang pendapatan dikalangan kumpulan etnik juga telah dapat dirapatkan.

Langkah seterusnya ialah untuk memastikan bahawa matlamat membasmi kemiskinan ini tercapai dan jurang pendapatan dirapatkan lagi untuk jangka masa panjang. Oleh itu, kejayaan pembangunan koridor adalah amat penting. Kejayaan inisiatif ini akan memastikan bahawa asas ekonomi kawasan-kawasan yang terlibat terutamanya di luar bandar dan separa bandar diperkukuhkan secara "structural", membolehkan pertumbuhan dicapai secara berterusan dan mampan.

Kedua, penekanan kepada prestasi ("performance") telah mula membawa perubahan yang positif dalam syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan atau "government-linked companies". Tahap keuntungan bersih bagi Kumpulan 20 GLC terpilih ("G-20") adalah kira-kira 91 peratus lebih tinggi daripada tahap keuntungan sebelum bermulanya inisiatif 'Transformasi GLC' tersebut. Juga, semenjak bermulanya inisiatif 'Transformasi GLC' pada tahun 2004, syarikat-syarikat tersebut

telah menunjukkan penambahbaikan dalam aspek-aspek operasi serta mutu perkhidmatan yang dirasakan para pelanggan. Pada amnya, pemantauan terhadap syarikat-syarikat tersebut, berdasarkan “key performance indicators”, telah meningkatkan tahap prestasi serta akauntabiliti lapisan pengurusan syarikat. Secara langsung, keuntungan ini telah memanfaatkan pemegang-pemegang saham rakyat Malaysia melalui KWSP, PNB dan lain-lain.

Ketiga, usaha untuk menggerakkan semula sektor pertanian dan industri asas tani telah membawa kesedaran akan kepentingan strategik sektor ini, bukan sahaja kepada ekonomi negara tetapi juga bagi keselamatan negara. Sudah tentu, kenaikan harga getah dan harga minyak sawit sedunia telah menyumbang kepada ekonomi dan pendapatan luar bandar. Tetapi kini, kempen untuk meningkatkan sektor tanaman-tanaman makanan yang dimulakan pada tahun 2004 dapat dilihat membawa hikmah dalam keadaan dunia semasa, iaitu dengan kenaikan harga beras, gandum dan bahan-bahan makanan lain. Keselamatan bekalan makanan negara sedikit sebanyak terjamin dengan adanya penekanan terhadap sektor pertanian dan industri asas tani. Usaha awalan telah menunjukkan hasil; beberapa komoditi yang diberi tumpuan seperti sayur-sayuran serta ternakan lembu dan kambing telah tumbuh pada kadar melebihi 10 peratus dalam dua tahun yang lalu. Ini merupakan satu petanda positif bahawa sektor ini boleh bangkit semula sekiranya diberikan tumpuan yang diperlukan. Dengan usaha yang betul, kita akan dapat meningkatkan tahap sara diri bagi tanaman utama seperti beras lalu menjamin keselamatan makanan negara.

Keempat, penekanan kepada sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan (government service delivery system) telah menunjukkan beberapa penambahbaikan terutamanya di perkhidmatan kaunter servis agensi-agensi Kerajaan. Perbezaan mutu perkhidmatan di kaunter-kaunter seperti di Jabatan Imigresen dapat dirasai dengan jelas. Juga, lebih banyak transaksi Kerajaan kini dipermudahkan dan dapat dilakukan melalui internet. Dari penekanan ini, hasil paling penting adalah kesedaran yang telah dibangkitkan di kalangan sektor awam iaitu kesedaran bahawa kepuasan pelanggan harus menjadi satu keutamaan. Sesungguhnya, kesedaran ini merupakan pencetus kepada pelbagai usaha yang telah dan sedang diambil ke arah menambahbaik mutu perkhidmatan sektor awam.

Kelima, penekanan kepada infrastruktur insaniah atau "soft infrastructure". Penekanan ini telah menumpukan Kerajaan dan masyarakat kepada aspek-aspek pembangunan yang lebih berteraskan pengetahuan, budaya dan minda. Dengan itu, lebih banyak perhatian telah dicurahkan kepada langkah-langkah seperti penambahbaikan sistem pendidikan, penerapan nilai-nilai murni seperti integriti, keterbukaan media dan pengukuhan institusi-institusi negara seperti Badan Pencegah Rasuah, Polis DiRaja Malaysia, sistem kehakiman dan parlimen.

Sekian, terima kasih.

**JAWAPAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT**  
**MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN MOHD NIZAR,  
BIN ZAKARIA  
[ PARIT ]**

**TARIKH : 18 OGOS 2008 (ISNIN)**

**NO. SOALAN : 15**

**Y.B. TUAN MOHD NIZAR BIN ZAKARIA minta MENTERI  
PERPADUAN, KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN  
WARISAN menyatakan :-**

**apakah perundangan yang diguna pakai untuk  
memastikan khazanah warisan negara akan terus kekal  
untuk diwarisi oleh generasi akan datang dan apakah  
kriteria yang diguna pakai dalam penetapan sebagai  
warisan.**

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Pihak kerajaan melalui Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan sentiasa memulihara dan memelihara warisan negara yang meliputi warisan kebudayaan ketara (*tangible*) seperti bangunan dan monumen, warisan kebudayaan tak ketara (*intangible*) seperti muzik dan tarian serta warisan alam semulajadi yang meliputi muzik, tarian dan warisan alam semula jadi yang meliputi flora dan fauna.

Mengenai perundangan yang digunapakai, khazanah warisan negara dipulihara dan dipelihara menggunakan peruntukkan-peruntukkan yang terdapat di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005. Akta tersebut yang telah mula berkuatkuasa pada 1 Mac 2006 adalah merupakan suatu Akta yang komprehensif serta mencakupi bidang warisan yang lebih luas yang meliputi warisan

kebudayaan ketara (*tangible*), warisan kebudayaan tak ketara (*intangible*), warisan alam semulajadi, warisan kebudayaan di bawah air dan warisan orang hidup.

Selain itu, terdapat juga akta-akta lain di bawah agensi-agensinya Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia yang mempunyai peruntukkan-peruntukkan bagi melindungi khazanah warisan negara. Antaranya ialah Akta Arkib Negara Malaysia 2003 (Akta 629), Akta Perpustakaan Negara (Akta 80) 1972, Akta Kemajuan Kraftangan Malaysia (Akta 222), Akta Balai Seni Lukis Negara 1959 (Akta 516), Akta Perbadanan Kemajuan Filem Malaysia 1981 (Akta 244).

Di samping itu, terdapat juga negeri-negeri yang mempunyai enakmen masing-masing bagi memelihara khazanah warisan seperti negeri Johor (Enakmen

Yayasan Warisan Johor), negeri Melaka (Enakmen Pemuliharaan Warisan Kebudayaan Negeri Melaka), negeri Sabah (Enakmen Undang-Undang Warisan Budaya) dan sebagainya.

Pihak Kerajaan percaya bahawa dengan adanya Akta-akta yang disenaraikan tadi maka khazanah warisan negara akan terus terpelihara untuk generasi yang akan datang.

Mengenai kriteria-kriteria yang diguna pakai untuk penetapan sebagai warisan oleh Jabatan Warisan Negara adalah sepertimana yang dinyatakan pada Bahagian X, Seksyen 67 (2), Akta Warisan Kebangsaan 2005, iaitu:

- (a) Kepentingan sejarah, hubungan dengan atau perhubungan dengan sejarah Malaysia;

- (b) Ciri-ciri rekabentuk atau estetik;**
- (c) Pembaharuan atau pencapaian saintifik atau teknikal;**
- (d) Hubungan sosial atau kebudayaan;**
- (e) Potensi untuk mendidik, menjelaskan atau menyediakan penyiasatan saintifik lanjut berhubung dengan warisan kebudayaan Malaysia;**
- (f) Kepentingan dalam mempamerkan kekayaan, kepelbagaian atau integrasi bentuk yang luar biasa;**
- (g) Jarang tidaknya atau keunikan warisan semulajadi, warisan budaya ketara atau tidak ketara atau warisan kebudayaan di bawah air;**
- (h) Gambaran bentuk suatu tapak atau objek sebagai sebahagian daripada kelas atau jenis suatu tapak atau objek; dan**

**(i) Apa-apa perkara lain yang berkaitan dengan penentuan warisan kebudayaan yang penting.**

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK CHUA SOON BUI [TAWAU]**

**TARIKH : 18 OGOS 2008**

**SOALAN :**

**Datuk Chua Soon Bui [ Tawau ] minta MENTERI SUMBER ASLI  
DAN ALAM SEKITAR menyatakan :-**

- (a) kerja penyelidikan dan pembangunan (R & D) yang telah dijalankan untuk mencari galian di Malaysia terutamanya di Sabah; dan
- (b) adakah Kementerian mempunyai sebarang rancangan untuk bekerjasama dengan pakar-pakar asing untuk meneroka sumber-sumber bahan galian yang kaya di Malaysia.

## JAWAPAN :

Tuan Yang DiPertua,

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam aspek Penyelidikan dan Pembangunan (R&D), Pusat Penyelidikan Mineral, telah dipertanggungjawabkan untuk membuat penyelidikan dalam meningkatkan nilai tambah sumber mineral tempatan tetapi bukan untuk mencari sumber mineral. Beberapa penyelidikan yang telah dan sedang dilaksanakan adalah meliputi mineral *feldspar*, *silika*, *lempung* dan *batu kapur*.

Kementerian ini juga telah menjalankan kajian tinjauan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak melalui pelbagai projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Lima Tahun. Di Sabah khususnya, kajian tinjauan telah mengenalpasti sumber arang batu sebanyak 298 juta tan, kaolin 0.59 juta tan, pasir silika 29.8 juta tan, batu kapur 5,626 juta tan, emas 30.3 tan, tembaga 34.5 juta tan, nikel 75 juta tan, dan perak 2.7 juta tan.

(b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini tidak menjalankan kerja-kerja meneroka atau melombong sumber-sumber mineral.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN BAGI PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO' MOHD JIDIN B. SHAFEE [SETIU]**  
**TARIKH: : 18 OGOS 2008**  
**RUJUKAN : 1281**

**SOALAN**

**Dato' Mohd Jidin B. Shafee [Setiu] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah peluang-peluang keusahawanan yang disediakan oleh Kerajaan bagi membantu penghuni-penghuni Pusat Serenti yang telah dibebaskan dan berapa ramaikah yang telah berjaya dibantu.**

## JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Y.B. Dato', kerajaan mengambil perhatian yang serius untuk membantu penghuni-penghuni pusat serenti yang telah dibebaskan dengan menyediakan pelbagai latihan kemahiran dan peluang keusahawanan. Semasa menjalani program pemulihan di pusat serenti, penghuni-penghuni diberikan pelbagai latihan kemahiran dengan kerjasama Giat MARA sebagai persediaan untuk menceburi bidang keusahawanan seperti berikut :

- i) Latihan automotif
- ii) Teknologi bangunan
- iii) Jahitan
- iv) Elektrikal
- v) Penyejukbekuan dan penyaman udara
- vi) Motor mekanik

Sehingga tahun 2007, seramai 414 orang penghuni telah berjaya mengikuti latihan tersebut. Sementara itu, bagi penghuni-penghuni yang telah dibebaskan dari pusat serenti, Kementerian ini melalui Agensi Antidadah Kebangsaan telah menjalankan sebanyak 3 siri kursus keusahawanan melibatkan 120 orang peserta dengan kerjasama TEKUN Nasional, Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi. Sebanyak 2 siri lagi kursus akan diadakan dalam Bulan November 2008 melibatkan seramai 80 orang peserta. Kursus ini diadakan dengan tujuan untuk membolehkan bekas-bekas

penagih berdikari dengan menceburi bidang pekerjaan sebagai seorang usahawan. TEKUN Nasional akan memberi bantuan pinjaman kepada peserta-peserta yang berminat untuk memulakan perniagaan.

Disamping itu Kerajaan juga telah melaksanakan Program Memperkasakan Tenaga Muda (PMTM) melibatkan seramai 100 orang penghuni dan bekas-bekas penagih pada tahun 2007 untuk membantu mereka menceburi bidang keusahawanan dengan kerjasama Kementerian Belia dan Sukan.

Usaha-usaha juga sedang dijalankan untuk memberi peluang kepada bekas-bekas penagih bekerja dalam pelbagai sektor terutama perladangan, pembinaan dan pembuatan dengan kerjasama beberapa syarikat seperti FELDA, Malaysian Palm Oil, Guthrie dan Giat MARA. Sehingga ini seramai 21 orang bekas penagih telah bekerja di sektor perladangan iaitu di Pulau Carey, Selangor.

PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : TUAN TONY PUA KIAM WEE  
(PETALING JAYA UTARA)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 18.08.2008

Tuan Tony Pua Kiam Wee (Petaling Jaya Utara) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk meningkatkan prestasi syarikat PROTON sedangkan Kerajaan Negeri BN telah pun memberi "undi ketidakpercayaan" kepada kereta PROTON, yang membuktikan kegagalan dasar automotif negara. Adakah PROTON akan terus mengalami kerugian sehingga tahun 2010.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, dalam usaha merealisasikan Dasar Automotif Negara, pemberian insentif dan geran serta latihan teknikal disediakan kepada pengeluar-pengeluar kenderaan termasuk PROTON. Melalui usaha Kerajaan ini, PROTON telah banyak menyumbang kepada peningkatan kapasiti dan kemampuan industri automotif negara. Dari segi peningkatan kapasiti, PROTON telah melabur lebih daripada RM8 bilion untuk membangunkan kapasiti pengeluaran serta kemudahan penyelidikan dan pembangunan (R&D). Manakala dari segi kemampuan industri automotif negara, PROTON kini mempunyai hampir 12,000 orang pekerja serta merupakan salah satu syarikat automotif di dunia yang berkemampuan untuk membina kereta dari peringkat reka bentuk konsep hingga ke peringkat pengeluaran.

2. Dengan kemampuan tersebut, PROTON bersedia untuk melangkah ke tahap yang lebih tinggi iaitu ke peringkat pengkomersialan teknologi dan hak harta intelektual. Setakat ini, PROTON telah memeterai beberapa perjanjian dengan syarikat automotif dari China dan Iran bagi mengkomersialkan teknologi dan hak harta intelektual milik PROTON. Di samping itu, PROTON turut menerokai pasaran eksport sejak dari tahun 1986. Buat masa ini, kereta-kereta PROTON dijual di 28 buah negara termasuk United Kingdom, Australia, Timur Tengah dan negara-negara ASEAN. Untuk jangka masa panjang, PROTON mengunjurkan jualan di pasaran luar negara akan lebih tinggi dari jualan di pasaran domestik.

3. Maka, insiden yang melibatkan isu penyelenggaraan kereta PROTON Perdana di salah sebuah Kerajaan Negeri BN baru-baru ini bukanlah gambaran kegagalan Dasar Automotif Negara atau lambang "undi ketidakpercayaan" Kerajaan kepada kereta keluaran PROTON, sebaliknya lebih berkaitan tentang penggunaan alat ganti bukan tulen, caj servis yang berlebihan, ubah suai kereta serta servis yang tidak diperlukan oleh pusat servis yang tidak berdaftar dengan PROTON.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Untuk makluman Yang Berhormat, sejak dari tahun kewangan 2004, PROTON telah mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM556.2 juta dan prestasi ini telah berlanjutan sehingga tahun kewangan 2006. PROTON hanya mengalami kerugian sebelum cukai sebanyak RM618.1 juta pada tahun kewangan 2007 disebabkan jumlah jualan yang rendah serta pelbagai faktor lain termasuk perbelanjaan sekali dan peruntukan lain (*one off expenses and provisions*).

5. Walau bagaimanapun, PROTON telah kembali mencatatkan keuntungan bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2008 dengan keuntungan sebelum cukai berjumlah RM162.2 juta, iaitu peningkatan sebanyak RM780 juta berbanding kerugian sebelum cukai pada tahun kewangan sebelumnya.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN AMRAN BIN ABDUL GHANI  
(TANAH MERAH)**

**TARIKH : 18 OGOS 2008 ( ISNIN )**

**SOALAN :**

**Y.B. TUAN AMRAN BIN ABDUL GHANI (TANAH MERAH)** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah syarat yang diperlukan untuk sebuah Majlis Daerah di naik taraf kepada Majlis Perbandaran dan apakah keistimewaan Mailis Perbandaran berbanding Majlis Daerah.

## **JAWAPAN :-**

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menetapkan beberapa kriteria naik taraf PBT bagi memastikan kenaikan taraf sesebuah PBT seiring dengan peningkatan dalam kualiti perkhidmatan yang diberikan. Bagi Majlis Daerah yang hendak dinaiktaraf kepada Majlis Perbandaran, ia hendaklah menepati kriteria-kriteria berikut:

1. bandar utama ataupun pusat pentadbiran sesebuah negeri ataupun daerah ;
2. mempunyai penduduk tidak kurang daripada 150,000 orang ;
3. jumlah hasil tahunan tidak kurang daripada RM20 juta ;

4. mempunyai kegiatan perindustrian, perniagaan dan pelancongan utama yang boleh menyumbang kepada penjanaan hasil ;
5. penyediaan ruang dan peluang bagi pertumbuhan aktiviti pelaburan, perniagaan dan komersial ;
6. mempunyai kemudahan infrastruktur yang memuaskan dan konsep perancangan bandar yang mapan; dan
7. mempunyai program yang boleh menggalakkan penyertaan penduduk setempat

Berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan ini, Majlis Perbandaran mampu memberikan perkhidmatan yang lebih baik berbanding Majlis Daerah serta berupaya menjana pertumbuhan ekonomi setempat dengan lebih pesat.

Kementerian Perumahan  
dan Kerajaan Tempatan

Ogos 2008

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATUK SERI DR. FONG CHAN ONN**  
**[ ALOR GAJAH ]**  
**TARIKH : 18 OGOS 2008**  
**RUJUKAN : 1254**

**SOALAN:**

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [ Alor Gajah ] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan menjadikan Kementerian Sumber Manusia sebagai Kementerian yang bertanggungjawab untuk mengambil pekerja-pekerja asing dan Kementerian Dalam Negeri hanya akan memberi visa kepada pekerja-pekerja asing berlandaskan kelulusan oleh Kementerian Sumber Manusia.

## **JAWAPAN UNTUK SOALAN PARLIMEN PADA 18.8.2008**

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Y.B. dari Alor Gajah yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, urusan kelulusan bagi permohonan pengajian pekerja asing dilaksanakan di Pusat Kelulusan Setempat (OSC) Pekerja Asing. Setakat ini, Kementerian Dalam Negeri (KDN) merupakan urus setia yang menguruskan perjalanan Pusat ini memandangkan majikan yang diluluskan pekerja asing perlu melalui beberapa prosedur imigresen sebelum dibenarkan membawa masuk pekerja berkenaan. Urusan kelulusan pengajian pekerja asing juga ditanggung oleh semua Kementerian dan Agensi yang terlibat berdasarkan sektor masing-masing seperti Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) untuk sektor perkilangan, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) untuk sektor perladangan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (KPIAT) untuk sektor pertanian dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) untuk sektor pembinaan. Fungsi Kementerian Sumber Manusia (KSM) dan Kementerian Dalam Negeri (KDN) pula adalah lebih luas kerana selain daripada meluluskan permohonan untuk sektor perkhidmatan, kedua-dua Kementerian ini juga terlibat secara langsung untuk kelulusan pekerja asing dalam semua sektor.

Setakat ini, prosedur sedia ada berjalan lancar dan belum ada keperluan untuk mengkaji semula fungsi Kementerian masing-masing dalam pengurusan pekerja asing. Dalam masa yang sama, kerjasama antara semua Kementerian dan agensi yang terlibat sentiasa diperkembangkan melalui perbincangan dari masa ke semasa bagi membolehkan sebarang kelemahan pelaksanaan dikenalpasti dan diperbaiki.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN: LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN LIM LIP ENG  
[SEGAMPUT]**

**TARIKH : ISNIN, 18 OGOS 2008**

**RUJUKAN : 01**

**SOALAN :**

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan bilangan kenderaan yang diguna oleh Kementerian Wilayah Persekutuan dan DBKL mengikut jenis model, harga belian atau sewa dan kos penyelenggaraan bagi setiap kenderaan-kenderaan tersebut bagi tahun 2006-2007.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Segambut, sepanjang tahun 2006 dan 2007, Kementerian Wilayah Persekutuan memiliki **8 buah kenderaan yang melibatkan 2 buah bas, 4 buah kenderaan pacuan empat roda dan 2 buah motorsikal**. Salah sebuah bas berkenaan telah dibeli pada tahun 2006 dengan harga RM600,000 manakala kenderaan-kenderaan lain telah dibeli sebelum tahun 2006. **Kos perolehan kesemua kenderaan tersebut berjumlah RM1.17 juta. Kos penyelenggaraan pula ialah RM62,293 bagi tahun 2006 dan RM27,172 bagi tahun 2007.**

Kementerian Wilayah Persekutuan juga turut menyewa sebanyak 12 buah kenderaan pelbagai model pada tahun 2006 dengan kos sewaan sebanyak RM210,735. Pada tahun 2007 pula, bilangan kenderaan yang disewa ialah 16 unit dengan kos sewaan sebanyak RM287,115. Kos penyelenggaraan bagi kesemua kenderaan sewa ini adalah sebanyak RM46,812 pada tahun 2006 dan sebanyak RM74,602 pada tahun 2007. Pecahan statistik mengikut jenis model yang dimiliki dan disewa oleh Kementerian ini adalah seperti berikut:

Jadual 1 : Kos Sewa dan Selenggara Kenderaan Kementerian Wilayah Persekutuan

KATEGORI	KOS PENYEWAAN		KOS PENYELENGGARAAN	
	2006 (RM)	2007 (RM)	2006 (RM)	2007 (RM)
KERETA JABATAN	-	-	62,293.00	27,172.49
KERETA SPANCO	210,735.1	287,115.4	46,812.71	74,602.14
JUMLAH BESAR	210,735.1	287,115.4	109,105.71	101,774.63

### PECAHAN KENDERAAN

#### i) Kenderaan Jabatan

Jadual 2

BIL	JENIS	MODEL	TAHUN DIBELI	HARGA PEMBELIAN	KOS PENYELENGGARAAN 2006	KOS PENYELENGGARAAN 2007
1.	BAS	SCANIA	3 MEI 2006	RM 600,000.00	RM 6,750.00	RM 7,123.49
2.	BAS	HICOM PERKASA	15 JUN 2004	RM 194,522.12	RM 14,282.00	RM 4,712.00
3.	PACUAN 4 RODA	MITSUBISHI PAJERO	28 MEI 2004	RM 90,953.00	RM 9,570.00	RM 2,147.00
4.	PACUAN 4 RODA	MITSUBISHI PAJERO	28 MEI 2004	RM 90,953.00	RM 10,313.00	RM 4,141.00

5.	PACUAN 4 RODA	MITSUBISHI PAJERO	23 DIS 2002	RM 95,693.00	RM 15,007.00	RM 3,955.00
6.	PACUAN 4 RODA	MITSUBISHI PAJERO	31 JAN 2005	RM 90,953.00	RM 6,075.00	RM 4,694.00
7.	MOTOSIKAL	MODENAS	13 OGOS 2004	RM 4,900.00	RM 200.00	RM 200.00
8.	MOTOSIKAL	MODENAS	17 JUN 2004	RM 4,900.00	RM 96.00	RM 200.00
<b>JUMLAH</b>				<b>RM1,172,874.12</b>	<b>RM 62,293.00</b>	<b>RM 27,172.49</b>

ii) Kenderaan SPANCO

Jadual 3

BIL	JENIS	MODEL	TAHUN SEWAAN	KOS SEWAAN (RM)		KOS PENYELENGGARAAN (RM)	
				2006	2007	2006	2007
1.	Kereta (WLT 118)	PROTON PERDANA 2.0 (A) V6 Exe	JAN 06 - JUL 08	40,244.76	40,244.76	10,935.40	14,402.70
2.	Kereta (WLW 123)	PROTON PERDANA 2.0 (A) V6 Exe	JAN 06 - JUL 08	40,244.76	40,244.76	10,935.40	14,402.70
3.	Kereta (WLT 1003)	PROTON PERDANA 2.0 (A) V6	JAN 06 - SKRG	25,227.48	25,227.84	4,948.68	7,423.08
4.	Kereta (WNM 20)	PROTON PERDANA 2.0 (A) V6	JUL 06 - SKRG	12,466.62	24,933.24	1,979.46	5,773.48
5.	Kereta (WPC 7567)	PROTON PERDANA 2.0 (A) V6	JUL 06 - SKRG	12,552.18	25,104.36	1,968.00	5,084.00
6.	Kereta (WPE 7700)	PROTON PERDANA 2.0 (A) V6	JUL 07 - SKRG	-	20,810.16	-	3,169.74

Tuan Yang di-Pertua,

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur pula memiliki 1,782 buah kenderaan pada tahun 2006 dan kos semasa perolehan ialah sebanyak RM145.1 juta. Kos penyelenggaraan kenderaan-kenderaan ini pada tahun 2006 ialah RM7.1 juta. Bilangan kenderaan DBKL bagi tahun 2007 ialah 1,648 buah dan kos semasa perolehan ialah RM143 juta. Kos penyelenggaraan bagi tahun 2007 ialah RM6.7 juta. Pihak Kementerian tidak dapat menyediakan maklumat yang diminta bagi setiap kenderaan kerana bilangannya yang sangat banyak. Perangkaan kenderaan yang dimiliki oleh DBKL adalah seperti berikut:

**STATISTIK KENDERAAN DBKL DENGAN KOS PENYELENGGARAAN MENGIKUT KUMPULAN JENIS KENDERAAN**

KUMPULAN JENIS KENDERAAN	PERIODE	2006	2007
1) Kereta Rasmi	Bilangan	5	5
	Usia Purata (tahun)	3.5	4.5
	Jumlah harga semasa perolehan	RM 568,998.50	RM 568,998.50
	Jumlah Kos Penyelenggaraan	RM 19,807.56	RM 39,223.68
2) Kenderaan Perabot	Bilangan	570	468
	Usia Purata (tahun)	4.5	4.2
	Jumlah harga semasa perolehan	RM3,797,069.64	RM3,581,430.15
	Jumlah Kos Penyelenggaraan	RM2,067,399.34	RM1,842,474.35

i) Kenderaan berat, jentera & kenderaan khas	Bilangan	631	631
	Usia Purata (tahun)	6.1	6.5
	Jumlah harga semasa perolehan	RM92,229,032.09	RM94,171,364.84
	Jumlah kos penyenggaraan	RM4,531,312.62	RM4,310,619.25
Kenderaan Pick-up	Bilangan	161	147
	Usia Purata (tahun)	4.4	3.9
	Jumlah harga semasa perolehan	RM10,080,775.64	RM9,296,749.20
	Jumlah Kos Penyenggaraan	RM893,227.62	RM407,228.90
j) Motosikal	Bilangan	415	382
	Usia Purata (tahun)	3.9	4.2
	Jumlah harga semasa perolehan	RM3,437,679.05	RM3,386,054.45
	Jumlah Kos Penyenggaraan	RM119,874.92	RM152,704.36
JUMLAH BESAR	Bilangan	1,782	1,648
	Usia Purata (tahun)	4.9	5.1
	Jumlah harga semasa perolehan	RM145,103,554.92	RM143,003,597.14
	Jumlah Kos Penyenggaraan	RM7,101,622.06	RM6,752,250.54

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

Pertanyaan : PERTANYAAN JAWAB LISAN  
Daripada : Tuan Hasbi bin Habibollah [ Limbang ]  
Tarikh Menjawab : 18 Ogos 2008 [ Isnin ]  
Soalan : [No. 23]

**Tuan Hasbi bin Habibollah [ Limbang ]** minta **Menteri Perusahaan  
Perladangan dan Komoditi** menyatakan bilakah Kementerian akan  
mengadakan kilang pemprosesan dan tapak semeian kelapa sawit di  
kawasan Limbang memandangkan pada masa ini kilang yang terdekat  
di Lawas manakala tapak semeian terdekat di Miri.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Setakat ini, Kementerian Perusahaan Perladangan Komoditi belum menerima sebarang permohonan untuk mendirikan kilang pemprosesan buah sawit atau tapak semaian di kawasan Limbang.

Sekiranya terdapat pihak yang berminat untuk mendirikan kilang pemprosesan buah sawit yang bergantung kepada sumber bekalan buah dari luar, iaitu dari pekebun kecil atau estet yang tidak dimiliki oleh kilang pemprosesan tersebut, permohonan bolehlah dikemukakan kepada Lembaga Minyak Sawit Malaysia dan syarat-syaratnya adalah:

- i. modal berbayar sekurang-kurangnya RM5 juta;
- ii. bekalan buah tandan segar dari kawasan tanaman sawit seluas 4,000 hektar; dan
- iii. jarak tapak kilang dicadang dan kilang berdekatan tidak kurang daripada 40 km.

Syarat-syarat untuk mendirikan tapak semaian pula adalah:

- i. memiliki modal kerja/ modal berbayar minima RM25,000;
- ii. berkemahiran mengendalikan tapak semaian (lulus Kursus Pengurusan dan Penyelenggaraan Tapak Semaian atau lulus Ujian Bertulis Penyelenggaraan Tapak Semaian); dan
- iii. mendapatkan surat sokongan bekalan biji benih daripada penghasil biji benih berlesen yang boleh memberi jaminan

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL PERTAMA, PARLIMEN KEDUA BELAS 2008

bekalan biji benih dalam tempoh enam bulan dari tarikh permohonan.

Buat masa ini, terdapat sebuah kilang pemprosesan buah sawit yang beroperasi di Lawas dengan kapasiti pemprosesan sebanyak 210,000 metrik tan sebulan. Sementara itu, empat tapak semaian kelapa sawit telah pun dilesenkan oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia di mana satu daripadanya telah memulakan operasi dengan mengeluarkan sejumlah 11,000 anak benih sawit dari bulan Januari hingga Jun 2008. Manakala itu, tiga tapak semaian lain belum memulakan operasi.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **YB. DATO' NGEH KOO HAM  
[BERUAS]**

**TARIKH JAWAPAN  
DIDewan RAKYAT** : **18.08.2008 (ISNIN)**

**SOALAN** : **NO. 24**

**SOALAN**

**YB. DATO' NGEH KOO HAM** minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan kenapa Kerajaan membenarkan Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. mengambil tindakan mahkamah terhadap penghuni-penghuni pada hal ia hanyalah sebuah syarikat kontraktor dan Kerajaan Persekutuan adalah pembekal perkhidmatan dan adakah Kerajaan Persekutuan berhasrat memberi peruntukan untuk perbelanjaan merawat kumbahan air dan membatalkan bil-bil IWK.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK) adalah syarikat pembedungan nasional, sebuah syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan. Syarikat tersebut telah dilantik untuk mengendali dan menyenggara sistem pembedungan awam terutamanya sistem pembedungan berpusat kecuali di negeri Sabah,

Sarawak, Kelantan, kawasan operasi Majlis Bandaraya Johor Baru dan Perbadanan Pasir Gudang.

Sejajar dengan tanggungjawab tersebut, IWK telah diberi kuasa untuk mengutip caj perkhidmatan daripada pengguna berdasarkan kadar yang diwartakan oleh Kerajaan. Pemberian kuasa ini adalah seperti yang dinyatakan di bawah Akta Perkhidmatan Pembedaan 1993 (Akta 508). Mulai 1 Januari 2008, Akta tersebut telah dimansuhkan dan kini digantikan oleh Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655).

Kadar caj tersebut dikenakan mengikut jenis perkhidmatan yang dinikmati oleh pemilik premis hartanah. Kutipan hasil yang diperolehi akan digunakan oleh pihak IWK untuk menampung perbelanjaan kos operasi (Opex) pengendalian dan penyenggaraan sistem-sistem pembedaan awam. Memandangkan kutipan tersebut tidak dapat menampung kos operasi sebenar, Kerajaan masih perlu membiayai sebahagian daripadanya. Sementara itu, Kerajaan juga bertanggungjawab menyediakan perbelanjaan kapital (Capex) dan melaksanakan pembangunan loji-loji rawatan dan rangkaian paip pembedaan awam baru serta menaik taraf sistem sedia ada.

Tuan Yang Dipertua,

Sebagai sebuah syarikat yang bergantung kepada kutipan caj bagi menampung sebahagian daripada Opexnya, IWK telah disarankan untuk memastikan jumlah hasil tersebut dikutip secara cekap dan berkesan. Oleh yang demikian, syarikat tersebut telah mengambil pelbagai inisiatif untuk memupuk kesedaran supaya

pengguna membayar caj tersebut. Bagi memastikan pengguna menjelaskan tunggakan caj pembedaan, pihak IWK atau wakilnya yang dilantik akan mengeluarkan surat peringatan, surat tuntutan peguam dan juga sesi perbincangan untuk menyelesaikan tunggakan tersebut. Tindakan mahkamah adalah langkah yang terakhir sekali digunakan ke atas pengguna-pengguna yang masih enggan menjelaskan tunggakan dan mengabaikan peringatan-peringatan tersebut.

Tuan Yang Dipertua,

Oleh kerana bayaran yang dibuat oleh pemilik premis hartanah adalah bagi maksud caj perkhidmatan pembedaan yang meliputi penyaluran dan rawatan kumbahan, Kerajaan tidak bercadang untuk memansuhkan caj berkenaan. Namun begitu, Kerajaan akan memastikan bahawa pihak IWK akan mengendali dan menyelenggarakan perkhidmatan pembedaan secara cekap dan berkesan sepanjang masa.

\*\*\*\*\*

**SOALAN NO.25**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN LIANG TECK MENG**

**KAWASAN : SIMPANG RENGAM**

**TARIKH : 18.08.2008 (ISNIN)**

**Y.B. TUAN LIANG TECK MENG** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah usaha yang telah diambil terhadap Syarikat Samsung bagi menarik balik keputusan berundur dari Penang dan berpindah ke Filipina dengan pelaburan sebanyak RM3.2 bilion akibat kehilangan keyakinan terhadap Kerajaan negeri DAP Pulau Pinang sekarang.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

**Kerajaan sentiasa terbuka dan mengalu-alukan rancangan mana-mana syarikat untuk menjalankan projek perkilangan di Malaysia dan mengadakan perbincangan untuk projek-projek baru syarikat tanpa mengetengahkan sebarang lokasi penempatan pelaburan yang spesifik di Malaysia. Keputusan akhir bagi penempatan adalah terpulung kepada syarikat.**

Tuan Yang Di Pertua,

Dari semasa ke semasa, Kerajaan menerima maklumat atau cadangan awal dari syarikat multinational, dengan izin, yang beroperasi di Malaysia mengenai hasrat pelaburan tambahan, ini termasuk Syarikat Samsung. Kerajaan masih dalam perbincangan untuk menarik pelaburan dengan syarikat-syarikat ini, termasuk Syarikat Samsung.

\*\*\*\*\*

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TN. SALLEH BIN KALBI**

**TARIKH : 18 OGOS 2008**

**SOALAN : TUAN SALLEH BIN KALBI (SILAM)** minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan apa kerangka strategi Kerajaan untuk mengatasi masalah kemiskinan luar bandar melalui industri akuakultur terutama di kawasan Silam, memandangkan negeri Sabah mempunyai potensi untuk menjadi jelapang akuakultur berikutan pengwujudan ZIA yang melibatkan kawasan seluas 30,000 hektar di seluruh Sabah.

**JAWAPAN : Oleh Y.B. Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani  
Tuan Yang Dipertua,**

Kementerian telah mensasarkan pengeluaran ikan dari akuakultur sebanyak 662,000 tan metrik bernilai RM6.3 billion menjelang tahun 2010. Ia merangkumi pengeluaran 230,000 tan metrik ikan air tawar, 180,000 tan metrik udang laut, 122,000 tan metrik ikan laut dan 130,000 tan metrik kerang-kerangan. Pembangunan akuakultur sedia ada meliputi kawasan hampir 24,600 hektar dengan pengeluaran sebanyak 212 tan metrik bernilai RM1.3 billion.

Strategi utama Kementerian adalah dengan megezonkan kawasan tanah dan perairan yang dikenalpasti sesuai untuk dijadikan Zon Industri Akuakultur (ZIA). Usaha membangunkan ZIA melibatkan penggemblian usaha dan komitmen Kerajaan Persekutuan dengan setiap Kerajaan Negeri yang terlibat.

Selain dari itu, perancangan terperinci berserta penyediaan kawasan projek, pembangunan infrastruktur seperti jalan ladang, sistem pengairan utama, sub-station elektrik, jeti, pam utama dan utiliti dan peningkatan sistem penyampaian Jabatan akan menarik pelaburan pihak swasta tempatan dan asing serta menambah nilai pelaburan. Pelaburan syarikat swasta yang berkeupayaan akan memperkukuhkan permodalan operasi dan ini akan menjamin kejayaan projek.

Pengwujudan ZIA dengan usahasama Jabatan, Kerajaan Negeri dan pelabur akan memberi manfaat kepada penduduk setempat memandangkan penglibatan mereka sebagai pekerja telah termaktub dalam usahasama ini. Di samping itu, peluang perniagaan sama ada hiliran dan huluan akan tercetus dan ini juga dapat membantu menaikkan taraf sosio ekonomi penduduk setempat.

- Secara amnya sebanyak 46,000 ekar perairan di Teluk Silam telah dipohon untuk diwartakan sebagai kawasan akuakultur. Aktiviti akuakultur di kawasan ini mula aktif pada pertengahan tahun 2006 dan sehingga kini lebih 1200 ekar telah dimajukan dengan penglibatan hampir 600 tenaga kerja.

Selain dari itu, perairan Teluk Silam juga memberi pendapatan kepada 800 orang nelayan dari Semporna, Kunak dan Lahad Datu.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI HAJI AZMI BIN KHALID  
[ PADANG BESAR ]**

**TARIKH : 18 OGOS 2008**

**RUJUKAN : 1255**

**SOALAN:**

**Dato' Seri Haji Azmi bin Khalid [ Padang Besar ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kementeriannya bercadang memberhentikan amalan "kelulusan khas" yang diberikan melalui individu-individu untuk membawa Pekerja-pekerja Asing ke negara ini dan adakah Kementerian memikirkan cara lain yang lebih berkesan demi membanteras gejala rasuah dan menjaga kebajikan Pekerja Asing.

## JAWAPAN UNTUK SOALAN PARLIMEN PADA 18.8.2008

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Y.B. dari Padang Besar yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian ini memang komited dalam usaha membanteras peranan ejen-ejen atau individu-individu tertentu untuk membawa masuk pekerja asing. Penubuhan Pusat Kelulusan Setempat (OSC) Pekerja Asing pada 1 Ogos 2005 telah memudahkan majikan untuk berurusan dengan Kerajaan bagi tujuan menggaji pekerja asing. Dengan memudahkan urusan berkaitan pekerja asing dan memendekkan tempoh kelulusan kepada satu hari sahaja, keperluan sesetengah majikan untuk mendapatkan kelulusan secara khas tidak lagi berkaitan.

Dalam membanteras gejala rasuah bagi urusan berkaitan pekerja asing, Kementerian ini bersikap telus dan tidak akan melindungi mana-mana individu yang dikesan menyalahgunakan kuasa atau kedudukan mereka untuk mempercepatkan atau mendapatkan apa-apa kelulusan tanpa mengikut prosedur. Kementerian ini sentiasa bekerjasama dengan Badan Pencegah Rasuah (BPR) untuk menjalankan sebarang siasatan sekiranya terdapat aduan melibatkan aktiviti rasuah dan penyalahgunaan kuasa.

SULIT

NO SOALAN: 28

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. DATO IBRAHIM BIN ALI [PASIR MAS]**  
**TARIKH : 18 OGOS 2008**

**SOALAN :**

Dato' Ibrahim bin Ali [ Pasir Mas ] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan bercadang mewujudkan jawatan dan melantik mufti negara memandangkan setakat ini jawatan mufti hanya wujud di peringkat negeri sahaja.

**JAWAPAN**

Tidak terdapat sebarang cadangan atau perbincangan oleh Kerajaan untuk mewujudkan jawatan mufti Negara. Ini adalah kerana muzakarah di peringkat Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan sudah pun memadai.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, satu cadangan (secara lisan) telah dikemukakan semasa pre-council (dengan izin) Majlis Raja-raja yang lepas untuk mewujudkan Institusi Pengurusan Fatwa peringkat Negara (Darul Ifta'), yang bertujuan untuk mengkaji dan menyelidik fatwa yang berbangkit. Tambahan lagi, institusi ini dijangka dapat mempertingkatkan keupayaan muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan di masa-masa akan datang.

Kerajaan sedang mengemaskinikan cadangan penubuhan Darul Ifta' ini sebelum mengemukakan kertas cadangan untuk kelulusan Jemaah Menteri dan Majlis Raja-raja.

SULIT

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DR. RAMASAMY A/L PALANISAMY [BATU KAWAN]**  
**TARIKH : 18 OGOS 2008**  
**RUJUKAN : 1256**

**SOALAN :**

**Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan mengapakah pihak polis tidak dapat mengawal kegiatan jenayah rompakan kedai-kedai emas yang semakin berleluasa dan meminta membekalkan statistik kejadian tersebut serta bilangan penjenayah yang didakwa sejak dua tahun yang lepas.**

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Batu Kawan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat banyak faktor-faktor yang menyumbang kepada peningkatan jenayah rompakan kedai-kedai emas. Antara faktor yang telah dikenalpasti ialah kenaikan dan penurunan harga pasaran emas dunia yang mana memberikan impak secara langsung terhadap kenaikan dan penurunan jenayah rompakan kedai emas di negara ini. Selain itu, tanda pengecaman/tagging pada barang kemas adalah tidak kekal dan akan hilang apabila barang kemas dileburkan. Ini menyukarkan pihak polis untuk mengumpulkan keterangan/maklumat berhubung pemilik barang kemas terbabit. Di samping itu, tahap keselamatan premis yang rendah menjadikan kedai-kedai emas sebagai sasaran mudah (*soft target*) penjenayah. Ketiadaan Halangan Kalis Peluru dan Pencegah Perompak (*Bullet Resistant Bandit Barriers*), almari pameran (*showcase*) yang tidak kalis peluru, peralatan CCTV dan penggera (*alarm*) yang bermutu rendah adalah antara faktor yang membuka peluang kepada penjenayah melakukan rompakan.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi tahun 2006 hingga bulan Julai tahun 2008, sebanyak 147 kes rompakan kedai emas dilaporkan dengan jumlah kerugian sebanyak RM 37,427,700.00. 16 kes telah berjaya diselesaikan bagi tahun 2006, 13 kes bagi tahun 2007 dan 13 kes telah diselesaikan bagi bulan Januari hingga Julai tahun 2008. Dalam tempoh yang sama seramai 41 orang telah didakwa di Mahkamah.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : Y.B. TUAN LIEW CHIN TONG  
KAWASAN : BUKIT BENDERA  
TARIKH : 18.08.2008 (ISNIN)

Y.B. TUAN LIEW CHIN TONG (BUKIT BENDERA) minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan sama ada Kerajaan akan mengkaji semula Dasar Automotif Negara dan adakah Proton akan diarah bersaing di pasaran secara saksama tanpa dilindungi lagi.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sedang dalam proses membuat kajian semula Dasar Automotif Nasional. Kajian semula ini bertujuan untuk menambahbaik pelaksanaan dasar sediaada selaras dengan perkembangan semasa yang berlaku di peringkat serantau dan global. Ini bagi memastikan industri automotif negara terus mampu mengekal dan meningkatkan daya saingnya. Kajian ini juga akan mengambil kira pandangan dan maklumbalas dari semua pihak yang terlibat dalam industri automotif termasuklah pihak industri dan jabatan/agensi kerajaan yang berkaitan.

Tuan Yang Di Pertua,

Pada masa ini, semua jenama-jenama kenderaan yang dipasang di dalam negara diberi layanan yang sama seperti yang dinikmati oleh Proton. Ini termasuklah dari segi pembayaran cukai eksais dan jualan serta insentif-insentif kewangan lain yang disediakan oleh Kerajaan seperti kemudahan geran bagi tujuan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan pengecualian duti import bagi input yang digunakan untuk penghasilan produk akhir.

\*\*\*\*\*

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ER TECK HUA  
[ BAKRI ]

BERTARIKH : 18 OGOS 2008

SOALAN :

TUAN ER TECK HUA [BAKRI] MINTA MENTERI KERJA RAYA MENYATAKAN APAKAH LANGKAH-LANGKAH YANG TELAH DIAMBIL OLEH JKR TENTANG PROJEK-PROJEK YANG TERTUNDA DAN TERTUNGGAK DI SELURUH NEGERI JOHOR PADA TAHUN 2006, 2007 DAN 2008. BERAPAKAH PROJEK YANG TELAH DAN SEDANG DIJALANKAN DI SELURUH NEGERI JOHOR.

**JAWAPAN :**

**TUAN YANG DIPERTUA,**

**(A) UNTUK MAKLUMAN YANG BERHORMAT, BAGI PROJEK INFRASTRUKTUR (JALAN) PERSEKUTUAN, ADALAH DIMAKLUMKAN TIADA PROJEK YANG TERTUNDA ATAU TERTUNGGAK PADA TAHUN 2006, 2007 DAN 2008. DI DALAM TEMPOH RANCANGAN MALAYSIA KESEMBILAN INI, SEBANYAK ENAM (6) BUAH PROJEK TELAH SIAP PEMBINAAN DAN LAPAN (8) BUAH PROJEK SEDANG DALAM PEMBINAAN.**

**(B) UNTUK MAKLUMAN YANG BERHORMAT JUGA, BAGI PROJEK BANGUNAN PERSEKUTUAN DI BAWAH PERUNTUKAN KEMENTERIAN KERJA RAYA PULA, TERDAPAT LIMA (5) PROJEK YANG DILAKSANA DALAM TEMPOH RANCANGAN MALAYSIA KESEMBILAN. DARI JUMLAH TERSEBUT, TIGA (3) PROJEK TELAH SIAP SEPENUHNYA DAN DUA (2) PROJEK MASIH DALAM PERINGKAT PEMBINAAN**

PEMBERITAHUAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM [ SEPUTEH ]**

**TARIKH : 18 Ogos 2008**

**SOALAN :**

**Y.B. Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sebab-musabab Petronas Gas gagal membekalkan gas perindustrian yang cukup kepada syarikat perkilangan pelabur asing di Semenanjung Malaysia. Apakah langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah yang semakin kritikal ini dan bilakah masalah ini dijangka akan diatasi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut rancangan jangka panjang, kapasiti loji-loji pemprosesan gas di Semenanjung Malaysia yang pada masa ini berupaya untuk memproses dan menyalur kira-kira 2,000 juta kaki padu gas sehari (mmscfd), sewajarnya mampu untuk menampung peningkatan permintaan dalam jangka panjang sepertimana dalam kontrak yang ditandatangani antara PETRONAS dan pengguna. Namun demikian, permintaan terhadap bekalan gas asli terutamanya daripada sektor industri telah meningkat secara mendadak sejak Oktober 2002 berikutan keputusan Kerajaan menetapkan harga

gas yang rendah kepada sektor tersebut. Berikutan peningkatan dalam permintaan, keseluruhan kapasiti pembekalan gas asli di Semenanjung Malaysia pada masa ini telahpun dikontrakkan sepenuhnya (*fully contracted out*) kepada para pengguna di sektor elektrik dan sektor bukan elektrik termasuk industri.

Kerajaan memberi perhatian yang serius berhubung kedudukan bekalan gas di Semenanjung Malaysia. Antara langkah awal yang diambil oleh Kerajaan untuk menangani kekurangan bekalan ini adalah dengan menyemak semula struktur harga gas. Dalam hubungan ini, Kerajaan pada 4 Jun 2008 dan 4 Julai 2008 telah memutuskan untuk menstruktur semula harga gas kepada sektor elektrik dan sektor industri secara berperingkat bagi meminimumkan impak dan membolehkan pengguna membuat penyesuaian.

Tuan Yang di Pertua,

Walaupun langkah tersebut mungkin tidak dapat mengatasi sepenuhnya kekurangan bekalan gas, ia dijangka mendorong para pengguna untuk mengguna sumber tenaga khususnya gas secara lebih cekap dan penjimatan gas dari langkah tersebut akan dapat digunakan untuk memenuhi sebahagian permintaan khususnya daripada sektor industri. Beberapa langkah jangka sederhana juga sedang diteliti untuk menangani masalah kekurangan bekalan termasuklah usaha menggalak pihak industri melaksanakan audit tenaga (*energy audit*) dalam sistem pengeluaran bagi meningkatkan kecekapan penggunaan sumber bahan tersebut serta penggunaan peralatan yang lebih cekap tenaga (*demand-side management*).

Untuk jangka yang lebih panjang pula, usaha-usaha juga sedang diambil untuk menggalakkan pihak industri mengoptimumkan kemudahan *co-generation*. Di samping itu, penambahbaikan dalam sektor penjanaan elektrik melalui penggunaan peralatan yang cekap tenaga juga sedang dikaji bagi menjimatkan penggunaan gas supaya sebahagiannya dapat disalur kepada sektor industri. Sementara itu, pihak PETRONAS juga sedang berusaha untuk mendapatkan bekalan gas tambahan dari luar negara bagi menampung permintaan tempatan yang semakin meningkat.

Sukacita juga saya menarik perhatian Ahli Yang Berhormat, bahawa selain daripada gas, pihak industri mempunyai beberapa pilihan bahan api lain seperti '*medium fuel oil*' (MFO), *diesel* dan gas petroleum cecair (LPG) untuk digunakan dalam proses pengeluaran mereka. Bahan api alternatif ini tidak menghadapi masalah bekalan dan boleh diperolehi dengan mudah.

No: 33

**SIDANG DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL PERTAMA,  
PARLIMEN KEDUA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**Daripada : Y.B. PUAN HAJAH ZURAIDA BT KAMARUDIN  
[Ampang]**

**Tarikh : 18 Ogos 2008**

**Soalan : 33**

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah pendekatan yang diambil bagi membuka minda rakyat tentang sains komputer terutama mengenai perisian sumber terbuka berbanding sumber tertutup dan apakah penerapan perisian sumber terbuka yang telah atau akan dilakukan oleh Kerajaan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang DiPertua,**

Kerajaan sentiasa mengambil pendekatan yang proaktif di dalam aspek membuka minda rakyat di dalam bidang teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) khususnya dalam bidang sains komputer sejajar dengan wawasannya untuk mentransformasikan Malaysia kepada sebuah negara maju yang berasaskan pengetahuan. Untuk tujuan itu,

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dengan kerjasama pelbagai Kementerian dan agensi sektor awam, swasta dan pertubuhan bukan Kerajaan telah mengambil pelbagai langkah dengan melaksanakan pelbagai program bagi meningkatkan kesedaran dan minat masyarakat terhadap bidang ICT dan bidang sains komputer. Antara langkah-langkah yang telah diambil termasuklah melaksanakan *roadshow*, minggu S&T dan ICT di peringkat nasional dan negeri, mengadakan minggu kerjaya berkaitan ICT, melaksanakan inisiatif penggunaan Internet secara positif serta forum keselamatan siber.

Bagi meningkatkan pendedahan berkaitan perisian sumber terbuka dan perisian tertutup, pelbagai forum dan seminar telah dilaksanakan, sebagai contoh, ialah *Malaysian Government Open Source Software Conference* (MyGOSSCON) yang diadakan pada Disember 2007 di mana perbezaan antara dua sistem telah diperjelaskan dan dibincang. Sistem sumber terbuka menjurus kepada pendekatan pembangunan perisian dan perkongsian kod sumber secara sukarela oleh komuniti pengaturcara berbanding dengan perisian tertutup yang memberi fokus kepada pembangunan perisian oleh syarikat pengeluar yang mempunyai hak milik ke atas produk tersebut. Bagi perisian terbuka, kod sumber diedar semula, diubahsuai dan diguna dengan percuma atau dengan kos yang sangat minima berbanding dengan perisian tertutup yang melibatkan kos yang tinggi.

Di samping usaha tersebut, fokus juga telah diberikan kepada penggalakan pembangunan dan penggunaan aplikasi ICT dan sistem komputer "mesra rakyat" dengan memperkenalkan aplikasi ICT yang boleh diguna secara langsung dalam aktiviti harian. Antara aplikasi

yang dibangunkan termasuklah "Agribazaar", "K-Masjid", "e-Kutbah", "e-Pekak", "e-Pusara", "T-Centre" dan pelbagai aplikasi mesra rakyat. Manakala, bagi memupuk minat di kalangan pelajar, MDeC dengan kerjasama Kementerian Pelajaran telahpun melaksanakan aplikasi Sekolah Bestari (*Smart School*) sebagai salah satu Aplikasi Perdana (*Flagship Application*) MSC Malaysia. Pelaksanaan Sekolah Bestari sebagai Aplikasi Perdana adalah selaras dengan hasrat Kerajaan untuk memastikan golongan sasaran khususnya pelajar didedahkan aplikasi ICT dalam kegiatan pembelajaran dan pengajaran bagi menyediakan mereka ke arah generasi yang mampu bersaing dalam era masyarakat berilmu (*K-Society*).

**Tuan Yang DiPertua,**

Bagi menjawab bahagian kedua soalan Ahli Yang Berhormat dari Ampang berkenaan penerapan perisian sumber terbuka, Kerajaan sememangnya telah menjalankan program pelaksanaan di sektor awam sejak 4 tahun lalu.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah melancarkan Pelan Induk Perisian Sumber Terbuka (*Open Source Software* atau OSS) Sektor Awam dan Pusat Kompetensi OSS pada 16 Julai 2004. Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia atau MAMPU, telah dipertanggungjawabkan untuk menjadi agensi peneraju (*Lead Agency*) Program OSS Sektor Awam ini dan telahpun melaksanakan Pelan Induk tersebut.

PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : TUAN JEFF OOI CHUAN AUN (JELUTONG)  
PERTANYAAN : LISAN  
TARIKH : 18.08.2008

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun (Jelutong) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan sama ada Cukai Durian Runtuh (*Windfall Tax*) yang dikenakan ke atas Penjana Kuasa Bebas (*Independent Power Producers*) telah dibatalkan. Kalau tidak, apa perkembangan terkini berhubung dengan penstrukturan semula skim subsidi bahan api keseluruhannya.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Levi Keuntungan Luar Biasa ke atas Penjana Tenaga Bebas (IPP) tidak dibatalkan. Pengenaan Levi Keuntungan Luar Biasa ke atas IPP adalah merupakan satu mekanisme untuk membolehkan IPP menyumbang ke arah mengurangkan kesan peningkatan kos bahan bakar kepada rakyat. Di samping itu, Kerajaan telah mengumumkan keputusan di mana rundingan semula *Power Purchase Agreement* (PPA) akan diadakan dengan IPP, dan mana-mana IPP yang berjaya merundingkan semula PPA akan diberi pengecualian daripada membayar levi keuntungan luar biasa. Satu jawatankuasa yang dianggotai oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kewangan serta Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi akan ditubuhkan bagi menyelia dan menyelaras rundingan semula PPA di antara IPP dan Tenaga Nasional Berhad.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR (JERAI)**  
**TARIKH : 18.8.2008**

**SOALAN:**

**Y.B. TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR [ JERAI ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah Kementerian bersedia mengembalikan pelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Hala tuju Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) akan diputuskan selepas pelaksanaannya melalui satu pusingan di peringkat sekolah rendah. Perkara ini akan dimaklumkan kepada umum selepas keputusan UPSR 2008 diumumkan pada penghujung tahun ini. Walau bagaimanapun, sebelum keputusan dibuat, pelbagai maklumat dan pandangan akan diperolehi daripada pelbagai pihak menerusi beberapa siri perbincangan.

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), telah menganjurkan Persidangan Meja Bulat PPSMI pada 14 hingga 16 Julai 2008 yang dihadiri oleh Pegawai Kanan KPM, wakil Majlis Pengetua dan Guru Besar, ahli akademik dari Institusi

Pengajian Tinggi Awam (IPTA), penyelidik di KPM dan IPTA, serta pegawai-pegawai pelaksana di KPM.

Sebanyak 16 kertas kerja dan laporan kajian tentang PPSMI telah dibentangkan dan secara keseluruhan didapati pencapaian murid dan pengajaran guru khususnya di kawasan luar bandar dan pedalaman perlu ditingkatkan jika dibandingkan dengan sekolah-sekolah di kawasan bandar. Sehubungan dengan itu, Persidangan Meja Bulat berkenaan merumuskan strategi pelaksanaan PPSMI perlu dimantapkan, khususnya bagi peringkat sekolah rendah di luar bandar dan pedalaman.

Persidangan Meja Bulat seterusnya akan diadakan pada akhir bulan Ogos yang melibatkan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), Lembaga Pengelola Sekolah, Kesatuan Guru dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan individu yang berminat.